

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS
ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

SOALAN : 271

Datuk Wira Hajah Mas Ermiyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah jangkaan pihak Kementerian kuota satu peratus OKU dalam sektor awam dapat dicapai.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mengambil langkah proaktif dalam pengambilan calon OKU dengan hanya menetapkan tapisan yang minimum berdasarkan syarat skim perkhidmatan sahaja. Pertimbangan khas juga diberikan kepada calon OKU apabila calon-calon mencapai tahap kelayakan yang sama dengan calon-calon normal, yang mana keutamaan akan diberi kepada calon-calon OKU yang sesuai menjalankan tugas mengikut jawatan yang dipohon.

Pada tahun 2018, daripada seramai 13,473 pelantikan tetap, SPA telah melantik seramai 114 calon OKU (0.85%) ke Perkhidmatan Awam. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.39%. Manakala, bagi pelantikan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pula, pada tahun 2018 seramai 16 calon OKU (0.23%) telah dilantik daripada jumlah keseluruhan pelantikan

seramai 6,845 orang. Peratusan ini juga menunjukkan peningkatan berbanding 0.19% pada tahun sebelumnya.

Sasaran 1% peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 merupakan sasaran yang akan dijadikan asas kepada semua Pihak Berkuasa Melantik (PBM) termasuk SPA dan SPP. Walau bagaimanapun, pencapaiannya banyak bergantung pada kesediaan Kementerian/Jabatan yang menerima penempatan calon OKU. Ia perlu disesuaikan di antara norma kerja dan jenis kecacatan calon OKU. Selain itu, aksesibiliti dan kemudahan OKU di bangunan pejabat juga perlu diambil kira bagi mengelakkan kesukaran dalam menjalankan tugas yang diberikan.

Sungguhpun demikian, SPA sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian/Jabatan bagi setiap urusan pengambilan agar sasaran 1% peluang pekerjaan kepada calon OKU dapat dicapai.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga 4 Mac 2019, jumlah pengisian OKU dalam perkhidmatan awam adalah seramai 3,670 pegawai (0.29%) berbanding jumlah keseluruhan pengisian seramai 1,262,463 pegawai (tidak termasuk skim perkhidmatan polis dan tentera).

Sebagai makluman, selain SPA dan SPP, terdapat juga Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain yang melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan berdasarkan bidang kuasa masing-masing seperti Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera (MAT), Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Sekian, terima kasih.